



كمتريڤ كبرڤاڤاڤان بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Garis Panduan Bagi Kesediaan Operasi Tahap 2 Fasiliti Sukan Luar Dewan Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

15 Jun 2020

GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN TAHAP 2 : FASILITI SUKAN LUAR (*Outdoor*)

Latar Belakang

Merujuk Garis Panduan Bagi Kesediaan Operasi Tahap 1 yang dikeluarkan pada 16 Mei 2020, dan kenyataan-kenyataan media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertarikh 03 Jun 2020 dan 14 Mei 2020 mengenai pelaksanaan pelan de-escalation fasa pertama (ataupun *Operational Readiness Level 1*) bagi 4 jenis pusat dan fasiliti sukan di seluruh negara iaitu gym dan fitness centres; fasiliti sukan tertutup (*indoor*); fasiliti sukan luar (*outdoor*) dan Padang Golf, syarat dan garis panduan tersebut telah dikemaskini.

Dibawah Garis Panduan Kesediaan Operasi Tahap 1: fasiliti sukan luar (*outdoor*) yang telahpun dikemaskini, syarat dan garis panduan adalah seperti berikut :

1. Sukan-sukan '**single match**' ataupun **satu lawan satu adalah dibenarkan** dimana garis panduan sebelum ini hanya membenarkan sukan-sukan perseorangan (solo player) sahaja.
2. Sukan-sukan '**single match**' yang dibenarkan bagi fasiliti sukan luar (*outdoor*) ialah **Tennis; Boling Padang; Petanque; dan Memanah.**
3. **Syarat dan garis panduan lain** bagi bagi fasiliti sukan tertutup (*indoor*) adalah **dikekalkan** seperti yang sebelumnya.

Peningkatan pelan **de-escalation tahap 2 bagi fasiliti sukan luar (*outdoor*)** akan dilaksanakan bermula hari **Isnin, 15 Jun 2020** sehingga waktu yang dimaklumkan kemudian. Langkah-langkah ini dikenakan bagi semua fasiliti sukan luar (*outdoor*) di Negara Brunei Darussalam dengan syarat dan garis panduan adalah seperti berikut :

1. Dibenarkan untuk beroperasi pada kadar **kapasiti 60% dalam satu masa**
2. **Kafeteria, Restaurant atau Kantin** dibenarkan beroperasi pada kadar **kapasiti 60% dalam satu masa.**
3. **Syarat dan garis panduan lain** adalah **dikekalkan** seperti sebelumnya.

Perincian lanjut digariskan dalam Lampiran A.

- Dibenarkan beroperasi.
- Menghadkan kapasiti kepada **60% daripada kapasiti biasa** dalam satu masa
- '**single match**' ataupun **satu lawan satu adalah dibenarkan**
- Menghadkan masa kepada satu (1) jam sehari bagi setiap orang.
- Aktiviti yang memerlukan kontak atau berkongsi peralatan adalah ditegah.
- Menjaga kebersihan diri.

- Menjaga penjarakan sosial sekurang-kurangnya 2 meter hendaklah dipatuhi sepanjang masa.
- Individu yang mengalami simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan masuk.
- Memastikan garis panduan penjarakan sosial, termasuk garis panduan tertentu dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Penggunaan Fasiliti Sukan Luar hendaklah mematuhi peraturan kerajaan bagi persediaan operasi tahap 2. Langkah-langkah berikut hendaklah dilaksanakan.

1. Fasiliti Sukan Luar

a. Garis Panduan Umum

1. Fasiliti Sukan Luar hanya dibenarkan beroperasi pada kadar **kapasiti 60% dalam satu masa.**
2. Kafeteria, Restaurant atau Kantin dibenarkan beroperasi pada kadar **kapasiti 60% dalam satu masa.**
3. Pendaftaran dan rekod yang sewajarnya mestilah dibuat di pintu masuk bagi tujuan pengesanan kontak jika diperlukan. (Setiap Fasiliti Sukan Luar perlu mendaftar melalui aplikasi *Bruhealth* di laman sesawang www.healthinfo.gov.bn/register untuk penjanaan QR kod bagi pendaftaran penggunaan)
4. Mengehendkan masa kepada satu (1) jam sehari bagi setiap orang.
5. **'Single match'** ataupun **satu lawan satu adalah dibenarkan.**
6. Aktiviti yang memerlukan kontak atau berkongsi peralatan adalah ditegah.
7. Penganjuran sukan adalah tidak dibenarkan.
8. Membersihkan dan mensanitasi peralatan Fasiliti Sukan Luar sebelum dan selepas digunakan.
9. Pengguna hendaklah membawa tuala dan botol air mereka sendiri.
10. Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan dan sanitasi tangan disediakan di pintu masuk dan tempat-tempat yang bersesuaian.
11. Individu yang mengalami simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan bermain.
12. Menjaga kebersihan diri sepanjang masa.
13. Penjarakkan sosial sekurang-kurangnya 2 meter hendaklah sentiasa dilakukan sepanjang masa.

14. Mengelakkan sebarang kontak fizikal.
15. Kemudahan *locker room* Fasilitas Sukan Luar ditutup.
16. Papan tanda dan poster langkah-langkah pencegahan COVID-19 hendaklah dipaparkan.
17. Untuk maklumat lanjut mengenai COVID-19, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148.

b. Tempahan

1. Fasilitas Sukan Luar hendaklah menyelenggara sistem tempahan dan jadual masa bagi memastikan keselamatan kakitangan dan pengguna.
2. Jumlah maksimum pengguna setiap jam hendaklah ditentukan oleh pihak Fasilitas Sukan Luar dan mestilah mengikut peraturan yang ditetapkan had untuk beroperasi adalah pada **kapasiti 60% dalam satu masa**.
3. Jarak masa minima di antara tempahan seterusnya ialah 1 jam , tetapi jarak masa yang lebih lama diperlukan, ianya adalah tertakluk kepada pihak Fasilitas Sukan Luar.

c. Peraturan Fasilitas Sukan Luar

1. Jumlah maksimum pengguna ditentukan oleh pihak Fasilitas Sukan Luar **Kafeteria, Restaurant atau Kantin** dan mestilah mengikut peraturan yang ditetapkan bahawa had untuk beroperasi adalah pada **kapasiti 60% dalam satu masa**.
2. Tidak dibenarkan berkumpul sebelum atau selepas senaman di dalam atau di sekitar Fasilitas Sukan Luar.
3. Penggunaan tandas dibenarkan dan perlu disanitasikan setiap masa.
4. Pihak Fasilitas Sukan Luar hendaklah terlebih dahulu memaklumkan pengguna tentang perlunya mematuhi penjarakkan sosial semasa tiba di Fasilitas Sukan Luar dan selepas selesai berlatih atau bersenam.
5. Pihak Fasilitas Sukan Luar hendaklah menyediakan prosedur bagi memastikan keperluan penjarakkan sosial dipatuhi di kawasan latihan atau senaman.

6. Pihak Fasilitas Sukan Luar hendaklah menyediakan prosedur bagi memastikan Fasilitas Sukan Luar selamat untuk digunakan dan amalan pensanitasian dilaksanakan.
7. Semua petugas Fasilitas Sukan Luar hendaklah memakai *face mask* dan sarung tangan.
8. Semua peralatan Fasilitas Sukan Luar hendaklah di *disinfect* sebelum, selepas dan di antara tempahan berikutnya.
9. Pengguna digalakkan untuk membawa *disfectant* sendiri sebagai perlindungan.

2. TANGGUNGJAWAB PENGGUNA

a. Pendaftaran

1. Pengguna hendaklah mendaftar secara *advanced (pre-booking)*
2. Pendaftar hendaklah mengimbas QR kod Fasilitas Sukan Luar sebaik sahaja ketika tiba dan selesai bermain bagi tujuan untuk mengesan kontak jika diperlukan

b. Latihan dan Senaman

1. Pelanggan hendaklah memastikan mereka menjaga jarak sekurang-kurangnya 2 meter semasa aktiviti sukan.
2. Memakai sarung tangan bagi meminimumkan sentuhan dengan permukaan.
3. Menggunakan peralatan yang betul dan memakai pakaian bersenam yang panjang untuk melindungi kulit awda.
4. Menggunakan peralatan persendirian.
5. Membawa disinfektan sendiri sebagai perlindungan.
6. Jika menggunakan mat senaman, bentangkan tuala di atas mat awda.
7. Jangan menyentuh muka, mata, dan mulut tanpa membersihkan tangan.
8. Penjarakkan sosial adalah penting dan pelanggan hendaklah meninggalkan fasiliti sukan luar dengan segera supaya tidak berlakunya perkumpulan di kawasan tersebut.